

# Pembinaan terminal KLIA2 hampir 100 peratus siap



ABDUL AZIZ

**BATUPAHAT** - Kerja-kerja pembinaan KLIA2 di Sepang kini hampir 100 peratus siap dan kerajaan yakin terminal penerbangan tambang rendah terbesar di Asia itu dapat dibuka mengikut jadual pada 2 Mei depan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Aziz Kaprawi berkata, pada dasarnya bangunan terminal telahpun siap dan sedang dalam usaha mendapatkan sijil keselamatan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Kita masih tetap dengan 2 Mei (pembukaan) dan kita yakin ia akan tepat pada masa. Pada dasarnya bangunan terminal sudah siap, cuma ada sedikit masalah dengan keselamatan kebakaran. Kita belum dapat sijil daripada Bomba itu sahaja.

"Tetapi ujian percubaan Kesediaan Operasi Pemindahan Lapangan Terbang (ORAT) sedang berjalan dan kita mengjangka tidak akan menghadapi banyak masalah," katanya selepas menghadiri majlis di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di sini, semalam.

Mengenai kos pembinaan KLIA2, beliau berkata, ia masih belum dimuktamad-

kan ketika ini, tetapi menjelaskan pembinaan lapangan terbang itu merupakan inisiatif syarikat swasta oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

"Ia dibangunkan secara swasta oleh MAHB dan mereka telah mengeluarkan pembiayaan mereka sendiri menerusi (penerbitan) Sukuk. Isu kos tidak perlu risau, kerana ia tidak melibatkan duit rakyat," katanya.

Ditanya kemungkinan caj lapangan terbang di KLIA2 dinaikkan bagi menampung kos pembinaan lapangan terbang itu, Abdul Aziz yang juga mengetuai jawatankuasa bertindak tentang KLIA2 di

Kementerian Pengangkutan berkata, ia mesti mengikut garis panduan ditetapkan oleh kerajaan.

Beliau juga mendedahkan kecanggihan KLIA2 menarik minat operasi beberapa syarikat penerbangan premium, tetapi menegaskan ketika ini lapangan terbang itu khusus untuk syarikat penerbangan tambang rendah sahaja.

"Keutamaannya adalah pada syarikat penerbangan tambang rendah," katanya sambil menambah, KLIA2 bakal menjadi "Airport In The Mall" pertama kerana ia turut menyediakan kemudahan membelah yang lengkap," katanya.-Bernama